

Politik antarabangsa

UM 31/10/2003 - 9 PRECISE

Mahathir mainkan peranan gemilang

Oleh CHANDRA MUZAFFAR

PENILAIAN yang adil dan seimbang terhadap seorang pemimpin teragung seperti Dr. Mahathir Mohamad hanya dapat dilakukan selepas beberapa tahun, malah beberapa dasawarsa, setelah beliau berundur daripada gelanggang politik.

Ini adalah kerana kesan sebahagian daripada dasar dan rancangan seorang pemimpin berwawasan tidak dapat dirasai dalam jangka waktu terdekat.

Namun, kita akan cuba merakamkan, buat sementara waktu ini, pencapaian-pencapaian Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri dan pemimpin negara selama 22 tahun ini, seperti mana juga kita akan mencatatkan cabaran-cabaran yang masih wujud pada saat persaraan beliau.

Dr. Mahathir telah memainkan peranan yang gemilang dalam politik antarabangsa. Beliau telah mengkritik ketidakadilan dalam sistem global; merintis kerjasama Selatan-Selatan yang konkrit; memperkukuhkan ASEAN; serta meletakkan asas yang kuat untuk Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG). Kejayaan-kejayaan ini harus disanjung, lebih-lebih lagi kerana ia berlaku dalam persekitaran politik dunia unipolar – iaitu dunia yang dikuasai sebuah kuasa gergasi tunggal – yang memandang serong terhadap tindakan-tindakan bebas yang diambil oleh negara-negara lain.



DR. CHANDRA MUZAFFAR

Dr. Mahathir juga telah berjaya, dalam konteks dunia unipolar, mempertahankan, sejauh mungkin, kemerdekaan dan kedaulatan negara Malaysia. Dalam hubungan ini, cara beliau mengendalikan krisis kewangan 1998 diberi penghargaan yang tinggi oleh golongan cendekiawan dan aktivis negara-negara Selatan.

Dr. Mahathir juga berjaya mengekalkan kestabilan politik negara melalui dasar-dasar yang mengambil kira aspirasi rakyat serta mengimbang tuntutan-tuntutan yang bertentangan dalam masyarakat pelbilang kaum. Begitu juga, perkembangan pesat kelas menengah dan kelas pekerja serta

peningkatan mobiliti sosial, adalah bukti yang ketara kemajuan ekonomi yang dicapai di bawah kepimpinan Mahathir. Sebahagian daripada toleransi antara kaum dalam tempoh dua dasawarsa yang lalu juga adalah hasil pendekatan beliau yang menolak ekstremisme agama, pada satu pihak, dan chauvinisme kaum, pada pihak yang lain. Pada waktu yang sama, beliau telah cuba memperkuat aliran Islam yang lebih bersifat toleran, akomodatif dan progresif – yang mengiktiraf peranan wanita dan menerima kedudukan masyarakat bukan Islam.

Walaupun banyak pencapaian kepimpinan Dr. Mahathir, Malaysia masih menghadapi cabaran-cabaran tertentu dalam beberapa bidang. Kerakusan segelintir elit yang mewah

lebih ketara daripada dahulu; sifat tamak haloba lebih berleluasa. Rasuah, seperti mana diakui oleh pemimpin-pemimpin seperti Dr. Mahathir sendiri, masih merupakan penyakit sosial yang perlu dibanteras. Akauntabiliti awam (public accountability) belum wujud sebagai inti dan asas sistem pemerintahan negara.

Justeru, institusi-institusi negara yang bersifat bebas dari segi teori masih di bawah telunjuk eksekutif – eksekutif yang terlalu dominan, yang telah melemahkan institusi-institusi lain. Itulah sebabnya sistem kehakiman yang bebas dan berwibawa masih menjadi impian. Suruhanjaya Pilihan Raya, Badan Pencegah Rasuah dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) juga menghadapi cabaran-cabaran yang sama dalam proses menegakkan kebebasan dan autonomi mereka.

Malah, budaya politik Malaysia pada keseluruhannya, masih terperangkap dalam acuan neo-feudalnya. Budaya neo-feudal kurang senang dengan kritikan terhadap kepimpinan nasional. Dalam budaya ini, hak asasi manusia, terutamanya hak menyuarakan pendapat yang bercanggah dengan pandangan arus perdana, jarang digalakkan.

Selain daripada cabaran-cabaran ini, masyarakat kita masih menghadapi masalah polarisasi kaum. Interaksi antara kaum, sama ada di universiti atau pun di pejabat, adalah minimal. Prejudis dan syak wasangka kaum terus mempengaruhi pemikiran sebahagian besar masyarakat majmuk Malaysia.

Sesungguhnya, cabaran-cabaran ini merupakan sebahagian daripada agenda Dr. Mahathir yang belum selesai.

● DR. CHANDRA MUZAFFAR ialah Presiden International Movement For A Just World.